

Penduduk diminta bersedia hadapi musim banjir

KUALA LUMPUR – Penduduk yang tinggal di kawasan rendah di Sabah, Kelantan, Terengganu dan Pahang diminta bersiap sedia untuk menghadapi banjir ekoran hujan lebat berikutan Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh yang bermula akhir Oktober lalu sehingga awal Mac depan.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, nasihat hujan lebat peringkat kuning telah dikeluarkan pada petang Rabu lalu yang boleh membawa risiko banjir di negeri-negeri berkenaan.

Di **Sabah**, kawasan yang dijangka terlibat ialah Kudat, Sandakan, Beluran, Kinabatangan, Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna.

Di **Kelantan** melibatkan daerah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh dan Machang manakala di **Terengganu** meliputi daerah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman manakala di Pahang melibatkan daerah Kuantan, Pekan serta Rompin.